

Headline	Bayi HIV berjaya dirawat Saintis		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	21 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A6	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	427 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,385
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,155



Bayi HIV berjaya dirawat: Saintis

PASUKAN penyelidik dari Amerika Syarikat (AS) buat pertama kalinya telah berjaya menyembuhkan seorang bayi yang dilahirkan dengan HIV, dalam perkembangan yang boleh membantu meningkatkan rawatan ke atas bayi yang dijangkiti sejak lahir.

Namun terdapat satu ciri teknikal penting, penyelidik menegaskan ia adalah 'penyembuhan fungsi' berbanding penyembuhan sepenuhnya, kerana virus tersebut tidak musnah sepenuhnya.

Namun kehadirannya telah berkurangan ke paras yang begitu rendah hingga boleh dikawal tubuh badan tanpa memerlukan rawatan ubat standard.

Satu-satunya pesakit AIDS yang sembuh sepenuhnya dan diiktiraf antarabangsa adalah 'pesakit Berlin', warga Amerika Syarikat (AS) Timothy Brown, yang dianggap bebas HIV dan leukimia lima tahun selepas menerima transplan tulang sumsum daripada penderma kebal HIV secara semula jadi yang jarang ditemui.

Transplan tulang sumsum itu sebenarnya bertujuan merawat leukemianya.

Namun dalam

kes baharu ini, bayi perempuan itu hanya menerima ubat antiretroviral dan perbezaannya adalah dalam dos dan masa - bermula tidak sampai 30 jam selepas kelahirannya.

Rawatan agresif sebeginilah yang kemungkinan besar membuahkan 'penyembuhan fungsi', lapor penyelidik pada persidangan tahunan Conference on Retroviruses and Opportunistic Infections (CROI) di Atlanta, Georgia.

Apa yang digelar penyelidik sebagai sel dorman dijangkiti HIV biasanya memulakan semula jangkitan dalam pesakit HIV dalam tempoh beberapa minggu selepas rawatan antiretroviral dihentikan, memaksa golongan positif HIV untuk terus mengambil ubat itu sepanjang hayat atau berisiko mengalami peningkatan penyakit.

TERAPI HAYAT

"Terapi antiviral segera ke atas bayi baharu lahir yang bermula dalam tempoh beberapa hari selepas pendedahan mungkin membantu bayi menghapuskan virus dan mencapai penyembuhan jangka panjang tanpa rawatan sepanjang

hayat dengan mencegah tempat persembunyian virus seumpama itu daripada terbentuk," kata ketua penyelidik Deborah Persaud, dari Pusat Kanak-kanak Johns Hopkins di Baltimore, Maryland.

"Nampaknya inilah kali pertama kejayaan seperti ini dicapai bagi seorang bayi," katanya.

Bayi itu dijangkiti ibunya yang positif HIV dan rawatannya dengan dos terapeutik ubat antiretroviral bermula sebelum ujian darahnya sendiri disahkan positif.

Protokol tipikal bagi bayi baharu lahir berisiko tinggi adalah memberikan mereka dos lebih kecil ubat itu sehingga keputusan daripada ujian darah diperolehi pada usia enam minggu.

Ujian menunjukkan kiraan virus bayi itu merosot secara beransur-ansur sehingga ia tidak lagi dapat dikesan 29 hari selepas kelahirannya.

Bayi itu diberikan rawatan susulan dengan antiretroviral hingga usianya 18 bulan, di mana ketika itu para doktor terputus hubungan dengannya selama 10 bulan dan dalam tempoh itu, dia tidak mengambil ubat antiretroviral.

Para penyelidik

kemudian dapat melakukan siri ujian darah dan tiada satu pun membuahkan keputusan positif HIV.

Kekangan virus semula jadi tanpa rawatan adalah kejadian yang amat jarang berlaku, tidak sampai setengah peratus di kalangan orang dewasa yang dijangkiti HIV, dikenali sebagai 'kontroler elit', di mana sistem imun mereka mampu mengawal pembiakan virus dan memastikannya pada tahap yang tidak dapat dikesan secara klinikal.

Pakar mengenai HIV sudah lama ingin membantu semua pesakit HIV mencapai status kontroler elit dan penyelidik berharap kes baharu ini menawarkan perubahan kerana ia mencadangkan terapi segera ke atas bayi baharu lahir ternyata berkesan.

Namun begitu, keutamaan mereka adalah mencari cara menghalang jangkitan virus itu daripada ibu kepada bayi baharu lahir.

Rawatan ARV ibu ketika ini menghentikan jangkitan kepada bayi baharu lahir dalam 98 peratus kes, kata mereka dalam kajian yang ditaja Institut Kesihatan Negara dan Yayasan Penyelidikan AIDS Amerika. — AFP

Headline	Bayi HIV berjaya dirawat Saintis		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	21 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A6	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	427 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,385
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,155



SATU DALAM SEJUTA: Satu-satunya pesakit AIDS yang sembuh sepenuhnya adalah 'pesakit Berlin', Timothy Brown, yang dianggap bebas HIV dan leukimia lima tahun selepas menerima transplan tulang sum-sum daripada penderma kebal HIV secara semula jadi yang jarang ditemui. — Gambar AFP